

# Pak Lah wajar beri perhatian 3 perkara

UM 27/10/03

**K**UALA LUMPUR 26 Okt. — Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi wajar memberi perhatian untuk bertindak menyegerakan beberapa perkara selepas beliau mengambil alih jawatan Perdana Menteri pada 1 November ini.

Seorang penganalisis politik tempatan, Prof. Dr. Hussain Mohamed berkata, tiga perkara tersebut ialah melantik Timbalan Perdana Menteri, mengadakan pilihan raya umum dan mengadakan pemilihan parti.

“Sehingga hujung tahun ini tidak banyak perkara akan berubah melainkan pelantikan orang nombor dua (Timbalan Perdana Menteri) tetapi mengadakan pilihan raya umum dan pemilihan par-

ti (UMNO) sewajarnya diberi perhatian segera,” katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam bahawa beliau (Abdullah) telah bersedia melaksanakan tanggung jawab sebagai Perdana Menteri kelima apabila mengambil alih jawatan itu awal bulan depan.

Hussain berkata, mengadakan pilihan raya umum mungkin suatu perkara yang paling wajar disegerakan meskipun kerajaan mempunyai masa kira-kira setahun sebelum membubarkan Parli-

men. “Ini kerana kemenangan Barisan Nasional dan UMNO merupakan petunjuk kepada sejauh ma-

na sokongan rakyat kepada nakhoda (kepimpinan) baru,” katanya.

Menurut beliau, persoalan masa beberapa bulan lagi perlu diadakan pilihan raya tidak timbul kerana yang lebih penting ialah kemenangan BN akan menentukan kelangsungan parti untuk terus memimpin negara.

Mengenai pemilihan UMNO, Hussain yang juga Ketua Jabatan Antropologi dan Sosiologi, Fakulti Sastera dan Sains Sosial Universiti Malaya berkata, biasanya Timbalan Perdana Menteri dilantik dari kalangan Naib-naib Presiden.

“Tetapi bukan mustahil untuk melantik mereka yang di luar daripada kalangan Naib Presiden termasuk wanita,” katanya.

Beliau mendakwa, ba-

nyak perkara dijangka menjadi pertimbangan dalam pemilihan parti termasuk siapa yang berada di belakang (menyokong) Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad semasa krisis UMNO berlaku pada 1987-1988.

Beliau turut menasihati pemimpin-pemimpin BN yang sudah lama berkhidmat dan dianggap veteran supaya memberi peluang kepada calon yang lebih muda.

Pada masa yang sama, pemimpin-pemimpin parti pembangkang yang telah lama berkhidmat juga perlu mengikut jejak pemimpin kerajaan dengan tujuan memberi laluan kepada golongan muda mengambil alih.